



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 2, 2018  
ISSN No. 2338-512X

## Pemutihan Kulit Dalam Prinsip Mengubah Ciptaan Allah

Rabi 'Atul 'Adawiyah Binti Abdul Khalil, Izhar Ariff Bin Kashim

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email: ydk\_yah14@yahoo.com , izhar.ukm@gmail.com

---

*Abstrak - Pemutihan kulit dengan kemunculan pelbagai produk di pasaran serta rawatan kecantikan di klinik dan spa kian mendapat sambutan masa kini dan ia menjadi fenomena. Namun, pengubahan warna kulit sedikit sebanyak mempunyai ciri-ciri dalam prinsip mengubah ciptaan Allah iaitu pengubahan bersifat kekal dan kesan yang memudharatkan. Maka artikel ini akan membincangkan pemutihan kulit dan jenis-jenis serta prinsip-prinsip mengubah ciptaan Allah menurut nas dari Al-Quran dan Sunnah. Seterusnya, penekanan terhadap pandangan Ulama' mengenai pemutihan kulit dan kaedah fiqh yang sesuai digunakan dalam isu ini. Dalam menghasilkan artikel ini, analisis dokumen terhadap data yang dikumpul melalui bacaan dari bahan bercetak, kitab-kitab dan fatwa semasa telah dipilih. Hasil kajian mendapati walaupun memutihkan kulit akan menyebabkan pengubahan warna kulit namun Ulama' mengharuskannya kerana ia bukanlah mengubah ciptaan Allah. Namun, kesan implikasi penggunaannya tidak kurang banyak menunjukkan kesan memudharatkan jika tersalah pilih produk yang merbahaya untuk kulit dan hukum boleh berubah menjadi haram. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak yang berkepentingan sebagai garis panduan kepada Muslim dalam mendapatkan mana-mana rawatan kecantikan yang berkONSEP mengubah ciptaan Allah.*

**Kata Kunci:** Pemutih Kulit, Kosmetik, Mengubah Ciptaan, Rawatan, Kecantikan.

---

### I. Pendahuluan.

Kulit cerah, gebu dan cantik sememangnya menjadi pilihan ramai pengguna di kalangan wanita mahupun lelaki sebagai buktinya pelbagai produk kecantikan menghujani pasaran negara dan ia menjadi suatu fenomena. Disebabkan fenomena ini, pemutihan kulit telah menjadi satu industri dan dapat dilihat di dalam pasaran Asia menunjukkan peningkatan sebanyak 60 peratus (Siti Zulaikha et al 2015). Namun begitu, untuk mendapatkan warna kulit yang lebih cerah akan menyebabkan pengubahan dari kulit yang gelap kepada cerah dan ia berkait rapat dengan konsep mengubah ciptaan Allah. Di dalam prinsip mengubah ciptaan Allah ada menggariskan tentang larangan mengubah ciptaan Allah iaitu pengubahan yang bersifat kekal, memudharatkan dan menggunakan bahan yang tidak suci. Memutihkan kulit bukanlah suatu perkara yang dilarang tetapi tidak kurang banyak kesan penggunaannya memudharatkan kulit para pengguna dan ini tidak menepati dengan prinsip mengubah ciptaan Allah. Maka bagaimana pengharusan penggunaan pemutih kulit ditetapkan dan isu ini akan dibahaskan dengan pandangan para ulama' pada point berikutnya.

### II. Pemutihan Kulit dan Jenis – Jenisnya.

Penghasilan warna kulit ditentukan oleh melanin iaitu suatu pigmen di dalam kulit dan melanin dibentuk oleh sel yang menghasilkan pigmen yang dipanggil sebagai melanosit (Ahmad Hassan & Mahmoud Mudawi 2010). Penghasilan warna yang berlebihan akan menyebabkan kulit seseorang itu akan tampak lebih gelap

dan menyebabkan tompokan hitam serta tidak sekata. Seseorang yang mempunyai jumlah melanin yang lebih banyak akan mempunyai kulit yang gelap berbanding ton kulit yang lebih cerah di mana jumlah melaninya lebih rendah. Secara umumnya, masalah kulit gelap dan pigmentasi adalah disebabkan oleh peningkatan penghasilan melanin di dalam kulit. Maka cara untuk merawat kulit gelap ini adalah dengan mengawal penghasilan melanin secara berlebihan. Perkembangan ilmu dari kajian-kajian telah menemukan pelbagai cara untuk mengawal melanin dan mencerahkan kulit antaranya penggunaan krim, pengelupasan kulit, rawatan laser, suntikan suplemen seperti suntikan vitamin C dan ubat-ubatan.

Krim peluntur, pemutih atau pencerah kulit adalah merujuk kepada penggunaan bahan kimia untuk mencerahkan kulit dan mendapat warna yang lebih sekata. Tidak dinafikan lambakan krim di dalam pasaran pada masa kini ada yang menggunakan bahan berbahaya sebegini sedangkan ia memberikan kesan jangka masa panjang pada pengguna. Antara bahan kandungan yang digunakan dalam pemutih kulit antaranya bahan bertoksik seperti merkuri, hydroquinone, tretinoin dan sebagainya. Bahan-bahan ini mampu memutihkan kulit secara kekal tetapi penggunaannya akan memberi kesan sampingan. Malah penggunaan bahan-bahan ini telah dilarang pada sebahagian negara antaranya beberapa negara Eropah dan USA yang melarang penggunaan hidrokuinon disebabkan potensi penggunaannya akan menyebabkan kanser. Hidrokuinon merupakan satu bahan peluntur kulit yang dilarang di dalam bahan kosmetik yang boleh menghalang proses pigmentasi dan mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV merbahaya yang boleh menyebabkan peningkatan risiko kulit (Charlene Dehaven 2014 ; Sarah Bunn, Abi Hobbs 2013). Begitu juga merkuri yang akan menyebabkan tinggi peningkatan merkuri di dalam tubuh badan. Oleh itu, mereka yang tetap meneruskan penggunaan merkuri ini akan mengalami kerosakan yang lebih teruk pada ginjal dan saraf mereka (KW Sin, HF Tsang 2003).

Pengelupasan kulit juga merupakan salah satu cara untuk mencerahkan kulit dan ia pernah menjadi perbahasan para ulama' tentangnya. Ada yang mengharamkannya namun ada sesetengahnya hanya berpegang pada hukum asal iaitu harus dan mereka merujuk kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad mengenai Saidatina 'Aisyah berkata,

## كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يلعن القاصرة والمقشورة والواشمة والموتشمة والواصلة والمتصلة

*Maksudnya:*

*Rasulullah S.A.W melaknat orang yang mengupas (kulit) dan yang diminta mengupaskan, orang yang mencacah tatu dan yang diminta mencacah tatu, dan yang menyambung rambut dan yang diminta menyambung rambut<sup>1</sup>.*

Hadis ini mengatakan tentang larangan perbuatan mengupas kulit dimana definisi mengelupas kulit adalah menyingkirkan kulit luar atau lapisan kulit disebabkan kecacatan kemalangan atau untuk kesegaran dan kecantikan. Termasuklah dengan menggunakan bahan kimia, laser atau alatan lain. Maka pandangan ulama' yang melarang perbuatan ini mengatakan ia merupakan perbuatan mengubah ciptaan Allah seperti tatu dan menyakitkan kulit yang mana pada awalnya kelihatan cantik namun kemudian akan memudharatkan (al-Safarini 1993).

Selain itu penggunaan rawatan laser juga mampu memberi kesan pemutihan kulit yang lebih kekal berbanding pemakaian krim. Malah rawatan laser mampu memulihkan pelbagai masalah kulit yang lain seperti pigmentasi kulit, menghilangkan parut muka, mengecilkan pori-pori kulit, meningkatkan kolagen, menghilangkan bulu-bulu romahalus malah boleh menghilangkan tatu dengan berkesan serta tanda lahir. Penggunaan laser pada masa kini semakin meluas dan mampu memberikan kesan yang lebih baik selain prosedur ini agak selesa dan kurang rasa sakit (Salina Ibrahim 2015).

Pemutihan kulit juga menjadi permintaan pengguna dalam bentuk suntikan yang mana suntikan zat anti-oksida akan diberi dan anti-oksida yang paling utama digunakan adalah Vitamin C. Suntikan vitamin C dipercayai untuk mendapat kulit yang cantik dan anti penuaan. Sememangnya secara semulajadi vitamin C sangat diperlukan dalam badan manusia pada kuantiti yang tertentu dan badan manusia tidak boleh menghasilkan vitamin C sendiri namun kadar dos sukatan vitamin C ini perlu diambil kira kerana pengambilan vitamin C secara berlebihan melebihi keperluan harian boleh menyebabkan kesan buruk seperti cirit-birit malah boleh membawa kepada kematian kepada pesakit buah pinggang jika diambil secara berterusan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Maharita Ab Rahman (2012) mendapati tiada bukti klinikal membuktikan suntikan vitamin C boleh meningkatkan keanjalan kulit (anti-penuaan dan anti-kedutan) serta memutihkan kulit. Walaupun terdapat ujian makmal menunjukkan potensi kesan vitamin C dalam

<sup>1</sup> Hadis diriwayatkan oleh Ahmad, Musnad Imam Ahmad, Baqi Musnad Al-Ansar, No hadis 25597

menganjalkan kulit namun ia berada pada level yang rendah dan ini menunjukkan suntikan Vitamin C tidak disyorkan untuk digunakan bertujuan untuk kosmetik seperti anti-penuaan, anti-kedutan, dan pemutih kulit.

### III. Prinsip Mengubah Ciptaan Allah (*Taghyir Khalqillah*)

Definisi mengubah ciptaan Allah menurut (Jakim 2010) bermaksud segala perbuatan mengubah ciptaan Allah yang sedia ada yang telah sempurna atas sebab tidak berpuas hati dengan kurniaan itu dan bukan bertujuan untuk merawat atau memulihkan kecacatan. Larangan terhadap perbuatan mengubah ciptaan Allah dapat di lihat di dalam nas Al-Quran dan juga hadis Nabi SAW.

Firman Allah SWT:

وَلَاٰضِلَّنَّهُمْ وَلَاٰمَنِّيَّنَّهُمْ وَلَاٰمُرَنَّهُمْ فَلَبِيَّتُكُنَّ آذَانَ الْأَنْعَامِ وَلَاٰمُرَنَّهُمْ  
فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ

*Maksudnya:*

(Syaitan berkata) “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membela telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah” (Al-Quran. Al-Nisa:119).

Hadis Nabi SAW

لَعْنَ اللَّهِ الْوَاشْمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالنَّامِصَاتِ  
وَالْمُتَنَمِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ

*Maksudnya :*

Allah melaknat orang yang membuat tatu, yang meminta dibuat tatu untuknya, yang mencabut bulu di muka, yang meminta dicabutkan bulu di mukanya dan orang yang menjarakkan gigi untuk kecantikan yang mana mereka semua telah menukar ciptaan Allah<sup>2</sup>.

Al-'Asqalani (1986) mengatakan antara perkara yang diketengahkan daripada hadis ini adalah Allah melaknat orang yang mencacah tatu, yang menjarakkan gigi, dan mencukur kening. Amaran yang diberikan dengan perkataan laknat menunjukkan perbuatan itu merupakan suatu dosa yang besar dan illah laknat bagi kesemua perbuatan ini adalah kerana mengubah ciptaan Allah. Ditekankan pada perbuatan menjarakkan gigi (المتفاجات) yang mana bertujuan untuk kecantikan semata, menjadikan ia ‘illah larangan kepada semua perbuatan lain yang mempunyai tujuan yang sama.

Mengubah ciptaan Allah terbahagi kepada dua iaitu pengubahan yang dibenarkan seperti memotong kuku, kumis, berkhitam dan keduanya pengubahan yang dilarang seperti hadis Nabi SAW. Maka antara dawabit atau prinsip mengubah ciptaan Allah adalah (al-Fawzan 2009, Islamweb 2009) :

- a. Pengubahan yang bersifat sementara
- b. Tiada unsur penipuan
- c. Tujuan berlandaskan Syarak
- d. Bersih, Suci Dan Tidak Memudharatkan.
- e. Tidak Menyerupai Amalan Agama Lain dan Jantina Lain
- f. Keperluan yang mendesak
- g. Dilakukan oleh doktor yang berkelayakan
- h. Yakin akan keberhasilan rawatan
- i. Penjagaan batas aurat
- j. Tiada berlaku pembaziran

<sup>2</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim, Syarah Al-Nawawi 'ala Muslim, No hadis 2125

Maka jika dilihat daripada penggunaan pemutih kulit dan jenis-jenisnya ada ciri-ciri yang terdapat daripadanya seperti pengubahan bersifat kekal dan bahan yang memudharatkan.

#### **IV. Pandangan Ulama' Dan Aplikasi Kaedah Fiqh Yang Digunakan**

Pemutihan kulit walaupun dilihat mempunyai ciri-ciri mengubah ciptaan Allah namun begitu pandangan kebanyakan ulama' mengatakan tentang keharusan menggunakanannya.

Syeikh Muhammad Soleh bin Uthaimeen dari fatwanya mengatakan (Othaimeen 2010):

*"Penggunaan krim pemutih kulit yang mengubah warna kulit adalah haram jika pengubahannya kekal dan ia seperti mencacah tatu. Sesungguhnya Nabi SAW melaknat orang membuat tatu dan diminta membuatkan tatu. Namun jika penggunannya untuk menghilangkan keaiban seperti orang yang mempunyai tompok hitam pada kulit menggunakanannya untuk menghilangkan aib maka ia tidak mengapa. Jadi harus mengetahui perbezaan penggunannya untuk kecantikan atau menghilangkan aib".*

Pandangan Syeikh Soleh Al-Munjid pula tentang pemakaian krim pemutih kulit (Soleh Al-Munjid 2011)

*"Menukar warna kulit daripada hitam kepada putih menggunakan krim atau alat kosmetik dan sebagainya dibenarkan jika ia bersifat sementara. Namun jika menukar warna kulit secara kekal tidak dibenarkan tidak kira samaada menggunakan pembedahan plastik atau cara lain kerana ia mengubah ciptaan Allah. Begitu juga untuk mengembalikan warna asal kulit, ia tidak mengapa dan bukan dikira mengubah ciptaan Allah dan tidak mengubah rupa asal kejadian".*

Malah Majelis Ulama Indonesia (2013) juga ada menetapkan standard bagi penggunaan produk kosmetik antaranya mestilah menggunakan bahan yang halal dan suci serta tidak memudharatkan. Pemakaianya juga hanya ditujukan kepada orang-orang yang dibenarkan syari' seperti suami dan sebagainya. Pengguna juga dinasihatkan untuk menghindar daripada menggunakan produk yang bahannya daripada bahan haram atau syubhab tidak jelas status kehalalannya.

Daripada pandangan ulama' ini dapat dikaitkan dengan kaedah fiqh yang sesuai digunakan dalam isu memutihkan kulit iaitu;

#### **وَفِي الْأُصْلِ فِي الْأَشْيَاءِ النَّافِعَةِ الْإِبَاحَةِ، الْأَشْيَاءِ الضَّارَّةِ الْحَرْمَةِ ۖ**

Maksudnya: "Hukum asal sesuatu yang bermanfaat adalah boleh dan hukum asal sesuatu yang berbahaya adalah haram."

Pemakaian pemutih kulit yang dapat menukar warna kulit dari gelap kepada cerah adalah harus selain ia bertujuan mengembalikan warna asal kulit. Dan ia bertepatan dengan prinsip-prinsip penetapan hukum Islam, dimana salah satu tujuan syari'at hukum Islam adalah untuk mewujudkan kemaslahatan yang mana menjadi maslahah bagi pengguna untuk merawat kulit. Namun jika penggunaannya lebih membawa kepada kemudharatan hukumnya akan berubah menjadi haram.

Dari segi sifatnya tidak kira dari segala jenis teknik pemutih samada krim, laser, suntikan vitamin C atau ubat pil jika perubahannya bersifat kekal maka hukumnya seperti larangan mengubah ciptaan Allah. Perkara yang penting adalah implikasi atau kesan selepas pengambilannya jika lebih membawa kepada kemudharatan maka secara tidak langsung ia sememangnya dilarang kerana memberi kesan sampingan Selain itu aspek tujuan ia dilakukan juga menentukan hukumnya kerana tujuan untuk kecantikan semata adalah dilarang seperti hadis Nabi SAW *lilhusni* (للحسن) menjadi 'illah pengharaman suatu pengubahan. Maka bertepatan dengan kaedah fiqh mengenai pengubahan niat atau tujuan ia dilakukan akan menentukan hukumnya iaitu;

#### **الْحَكْمُ يَدُورُ مَعَ عَنْهُ ۖ**

Maksudnya : Hukum berubah mengikut berubah illahnya (sebab).

Serta hadis Nabi SAW yang mengharuskan perkara yang dilarang kecuali untuk merawat.

عَنْ أَبْنَى مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَىٰ عَنِ النَّاصِفَةِ وَالْوَاشِرَةِ وَالْوَاصِلَةِ وَالْوَاشِمَةِ إِلَّا مِنْ دَاءٍ

*Maksudnya:*

Daripada Ibni Mas'ud RA berkata aku mendengar Rasulullah melarang mencabut bulu di muka, menjarakkan gigi, menyambung rambut, dan mencacah tatu, kecuali berubat (tujuan merawat)<sup>3</sup>.

## V. Kesimpulan

Tidak semua perkara yang melibatkan pengubahan menjadi larangan di dalam Islam yang mana mengubah ciptaan Allah terbahagi kepada dua iaitu pengubahan yang dilarang dan dibenarkan. Dapat disimpulkan daripada prinsip mengubah ciptaan Allah beberapa faktor yang menjadi ‘illah atau punca larangan dalam perbuatan mengubah ciptaan antaranya pengubahan bersifat kekal, pengunaan bahan yang tidak suci dan memudharatkan, terdapat unsur penipuan dan bertujuan untuk kecantikan semata. Maka memutihkan kulit dengan menggunakan pelbagai jenis teknik pemutih adalah diharuskan selagi mana ia tidak memudharatkan walaupun ia akan menyentuh beberapa ciri mengubah ciptaan Allah dan melibatkan pengubahan warna kulit dari hitam kepada putih dan. Kebanyakan pengguna yang menggunakan pemutih kulit ini bertujuan untuk menambahkan keyakinan diri, memudahkan mendapatkan pekerjaan, lebih putih dan sihat, maka keperluan sebegini mengharuskan penggunannya. Namun jika hanya ingin menambahkan keputihan dan kecantikan yang sememangnya tiada keperluan untuk melakukannya maka ia dilarang.

## Rujukan

1. Al-Quran Kareem
2. Al-'Asqalani, Ahmad Bin Ali Bin Hajar al-'Asqalani. 1986. Fath al-Bahri Syarah Sahih al-Bukhari. Beirut. Dar Al-Riyan lil Turath.
3. Al-Fawzan, Soleh Bin Muhammad Al-Fawzan. 2009. Taghayyir Khalqallah Dhawabithuhu waTathbiquhu. Riyad: Universiti al-Imam Muhammad Su'ud al-Islamiyyah
4. Al-Nawawi, Yahya bin Syarif Abu Zakaria Al-Nawawi. 1996. Syarah Al-Nawawi 'ala Muslim. Kaherah. Dar Al-Khair.
5. Al-Safarini, Muhammad Bin Muhammad Salim Al-Safarini. 1993. *Ghiza' al-Albab fi Syarah Manzumah Al-Adab*. Mesir. Muassasa Qurtubah.
6. Ahmed Hassan H.Arbab, Mahmoud Mudawi Eltahir. 2010. *Review on Skin Whitening Agents*. Khartoum Pharmacy Journal.13(1):5-9
7. Charlene Dehaven. 2014. *Hydroquinone*. United States. Science of Skin Care
8. Islamweb. 2009. Dhabit al-Taghayyir li Khalqillah al-Mazmum minhu wa ghairu al-Mazmum. <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=117820> [22 Januari 2018].
9. Jakim. 2010. Batas-batas Dalam Berhias. <http://jkim.islam.gov.my/archive/all/201007?page=9> [14 November 2017]
10. KW Sin, HF Tsang. 2003. Large-Scale Mercury Exposure Due To A Cream Cosmetic: Community-Wide Case Series. Hong Kong Medical Journal. 9. Hong Kong
11. Maharita Abdul Rahman. (2012). *Vitamin C Injection For Cosmetic*. Putrajaya: Health Technology Assessment Section Medical Development Division, Ministry of Health Malaysia.
12. Majelis Ulama Indonesia (MUI). 2013. *Standar Kehalalan Produk Kosmetika dan Penggunannya*, Nomor 26. Jakarta. Fatwa Majelis Ulama Indonesia.
13. Othaimeen, Muhammad Bin Saleh Othaimeen. 2010. Majmu' Fatawa wa Rasail Fadhilatu Al-Syaikh Muhammad Bin Saleh Othaimeen. Darul Wathan, Dar Al-Thurya. <http://binothaimeen.net/content/11788>
14. Salina Ibrahim. 2015, Januari 16. *Laser Dalam pembedahan Plastik*. Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia
15. Sarah Bunn, Abi Hobbs. 2013. Skin Lightening Treatments. London. The Parliamentary Office Of Science and Technology.
16. Siti Zulaikha Rusmaidi, Sharifah NorKhadijah Ismail, Sarva Mangala Praveena. 2015. *Preliminary Study on the Skin Lightening Practice and Health Symptoms among Female Students in Malaysia*. Journal of Environmental and Public Health. 2015. 1-6. <http://dx.doi.org/10.1155/2015/591790>.
17. Soleh al-Manjid. 2011. Hukmu Taghyir Launu al-Basyarah min al-Sawad ila al-Bayad. Islam QA, November 29. <https://islamqa.info/ar/174371> [25 November 2017].

<sup>3</sup> Hadis diriwayat oleh Ahmad, Musnad Ahmad, Musnad Mukathirin min al-Sahabah, Hadis No. 3935